

Art Appreciation in Hamdan Lias Batik Block Through Malay Aesthetics Theory

Wan Soliana Wan Md Zain*

Marzuki Ibrahim**

Noor Hafiza Ghazali***

Mazni Omar****

Mohd Zamani Daud*****

Rushana Sulaiman*****

Mazlan Mustapha*****

wliana411@uitm.edu.my (Corresponding Author)*, marzukiibrahim@unisza.edu.my**, nhafiza@uitm.edu.my***, mazni867@uitm.edu.my****, zamani266@uitm.edu.my*****, rushana@uitm.edu.my*****, mazlan282@uitm.edu.my*****

ABSTRACT

This study explains the Malay formalistic and aesthetic in Hamdan Lias block batik that uses bamboo as a medium for innovation to produce block batik patterns. This study aims to identify the motif designs produced by thorn bamboo (Bambusa Blumeana) and honey bamboo (Gigantocha Albociliata). Next, the block batik motifs in Selendang I is analyzed through Malay aesthetic theory. A qualitative approach through direct observation in the field of the products produced. The documentation method is also done based on the length of fabric selection of Selendang I belonging to Hamdan Lias. An interview with Hamdan Lias was conducted to find references relevant to the problem. It was analyzed using the Malay aesthetic theory approach expressed by Ruzaika Omar Basaree. The problem is the lack of studies directed at Malay aesthetic theory in block batik motifs through form, meaning and philosophy that tend to possess the concept of spiritualism or mysticism, unity, symbolism, refinement, symmetry, flexibility and functionality. Research findings show that the motifs produced on the length fabric from the use of thorn bamboo (Bambusa Blumena) and honey bamboo (Gigantocha Albociliata) which are used as batik blocks have a link between the Malay aesthetic theory that displays the beauty of Malay-Islamic art. An understanding of the form, meaning, philosophy, and purpose of the application of motifs and pattern design needs to be applied in batik art to form a unique image and identity. Simultaneously guiding and trying to stimulate designers to produce new expressions and dimensions in today's modern block batik art.

Keywords: Bamboo, batik block, batik motif, Malay aesthetics theory.

Submitted: 15 January 2024

Revised: 27 February 2024

Published: 30 September 2024

* Senior Lecturer at College of Creative Arts Universiti Teknologi MARA, 18500 Kelantan, Malaysia.

** Fellow WAKAF at Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Terengganu, Malaysia.

*** Postgraduate Student at di Faculty of Innovative Design and Technology, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Terengganu, Malaysia.

**** Postgraduate Student at di Faculty of Innovative Design and Technology, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Terengganu, Malaysia.

***** Senior Lecturer at College of Creative Arts Universiti Teknologi MARA, 18500 Kelantan, Malaysia.

***** Senior Lecturer at College of Creative Arts Universiti Teknologi MARA, 18500 Kelantan, Malaysia.

***** Senior Lecturer at College of Creative Arts Universiti Teknologi MARA, 18500 Kelantan, Malaysia.



Apresiasi Seni Dalam Blok Batik Hamdan Lias Menerusi Teori Estetika Melayu

Wan Soliana Wan Md Zain*

Marzuki Ibrahim**

Noor Hafiza Ghazali***

Mazni Omar****

Mohd Zamani Daud*****

Rushana Sulaiman*****

Mazlan Mustapha*****

wliana411@uitm.edu.my (*Penulis Koresponden*)*, marzukiibrahim@unisza.edu.my**, nhafiza@uitm.edu.my***, mazni867@uitm.edu.my****, zamani266@uitm.edu.my*****, rushana@uitm.edu.my*****, mazlan282@uitm.edu.my*****

ABSTRAK

Kajian ini menerangkan tentang nilai formalistik dan estetik Melayu dalam batik blok Hamdan Lias yang menggunakan buluh sebagai medium untuk inovasi menghasilkan reka corak batik blok. Kajian ini bertujuan mengenal pasti reka bentuk motif yang dihasilkan oleh buluh duri (*Bambusa Blumeana*) dan buluh madu (*Gigantocha Albociliata*). Seterusnya analisis motif batik blok dalam selendang 1 dilakukan melalui teori estetik Melayu. Pendekatan secara kualitatif melalui pemerhatian secara langsung dilapangan terhadap produk yang dihasilkan. Kaedah dokumentasi juga dilakukan berdasarkan pemilihan *length fabric* Selendang I milik Hamdan Lias. Temu bual bersama Hamdan Lias dilaksanakan bagi mencari rujukan yang relevan dengan permasalahan. Ianya dianalisis menggunakan pendekatan teori estetik Melayu yang dinyatakan oleh Ruzaiqa Omar Basaree. Permasalahan yang timbul adalah kurangnya kajian yang terarah kepada teori estetik Melayu dalam motif batik blok melalui bentuk, makna dan falsafah yang cenderung dengan pemilikan konsep spiritualisme atau tasawuf (*spiritualism or mysticism*), kesatuan (*unity*), perlambangan (*symbolism*), berhalus (*refinement*), simetri (*symmetry*), lembut (*flexibility*) dan berguna (*functionality*). Dapatan penyelidikan menunjukkan motif yang terasail pada *length fabric* dari penggunaan buluh duri (*Bambusa Blumena*) dan buluh madu (*Gigantocha Albociliata*) yang dijadikan blok batik tersebut mempunyai hubungan kait antara teori estetik Melayu yang memaparkan keindahan seni Melayu-Islam. Pemahaman tentang bentuk, maksud, falsafah, dan tujuan aplikasi motif dan reka corak perlu diterapkan di dalam seni batik bagi membentuk imej dan identiti yang tersendiri. Sekali gus membimbing serta berusaha merangsang pereka menghasilkan ekspresi dan dimensi baharu dalam seni batik blok moden hari ini.

Kata Kunci: Batik blok, buluh, motif batik, teori estetik Melayu.

Dihantar: 15 Januari 2024

Disemak: 27 Februari 2024

Diterbit: 30 September 2024

* Pensyarah Kanan di Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, 18500 Kelantan, Malaysia.

** Felo WAKAF di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

*** Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Terengganu, Malaysia.

**** Pelajar Pascasiswazah di Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Terengganu, Malaysia.

***** Pensyarah Kanan di Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, 18500 Kelantan, Malaysia.

***** Pensyarah Kanan di Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, 18500 Kelantan, Malaysia.

***** Pensyarah Kanan di Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, 18500 Kelantan, Malaysia.



1.0 Pendahuluan

Kajian ini menerangkan tentang nilai formalistik dan estetik Melayu dalam batik blok Hamdan Lias yang menggunakan buluh sebagai medium untuk inovasi menghasilkan reka corak batik blok. Kajian ini bertujuan mengenal pasti reka bentuk motif yang dihasilkan oleh buluh duri (*Bambusa Blumeana*) dan buluh madu (*Gigantocha Albociliata*). Seterusnya analisis motif batik blok dalam selendang 1 dilakukan melalui teori estetik Melayu. Pendekatan secara kualitatif melalui pemerhatian secara langsung dilapangan terhadap produk yang dihasilkan. Kaedah dokumentasi juga dilakukan berdasarkan pemilihan length fabric Selendang I milik Hamdan Lias. Temu bual bersama Hamdan Lias dilaksanakan bagi mencari rujukan yang relevan dengan permasalahan. Ianya dianalisis menggunakan pendekatan teori estetik Melayu yang dinyatakan oleh Ruzaika Omar Basaree. Permasalahan yang timbul adalah kurangnya kajian yang terarah kepada teori estetik Melayu dalam motif batik blok melalui bentuk, makna dan falsafah yang cenderung dengan pemilihan konsep spiritualisme atau tasawuf (*spiritualism or mysticism*), kesatuan (*unity*), perlambangan (*symbolism*), berhalus (*refinement*), simetri (*symmetry*), lembut (*flexibility*) dan berguna (*functionality*). Dapatan penyelidikan menunjukkan motif yang terasil pada length fabric dari penggunaan buluh duri (*Bambusa Blumena*) dan buluh madu (*Gigantocha Albociliata*) yang dijadikan blok batik tersebut mempunyai hubungan kait antara teori estetik Melayu yang memaparkan keindahan seni Melayu-Islam. Pemahaman tentang bentuk, maksud, falsafah, dan tujuan aplikasi motif dan reka corak perlu diterapkan di dalam seni batik bagi membentuk imej dan identiti yang tersendiri. Sekali gus membimbing serta berusaha merangsang pereka menghasilkan ekspresi dan dimensi baharu dalam seni batik blok moden hari ini.

Seni atau kraf batik merupakan salah satu hasil tekstil tradisional masyarakat Melayu di Malaysia yang sangat tinggi nilainya dan popular selain daripada tenunan, sulaman dan songket. Seni membatik ini telah lama wujud dan begitu dikenali terutamanya di negeri-negeri pantai timur seperti Kelantan dan Terengganu. Penghasilan batik yang terkenal sehingga sekarang adalah melalui penggunaan blok. Menurut Hamdan Lias (2021), evolusi penggunaan blok batik yang terawal adalah dari persekitaran (alam semula jadi). Pereka menghasilkan blok batik melalui batu, kayu, buluh dan buah-buahan kering.

2.0 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menjelaskan secara visual kesenian reka bentuk length fabric Hamdan Lias yang dihasilkan dari buluh (*Bambusa Blumeana*) dan buluh madu (*Gigantocha Albociliata*) dalam konteks memahami konsep estitika melayu dalam penciptaan motif batik blok yang dimanifestasikan oleh pereka. Ianya dilihat dalam konteks spiritualism, kesatuan, perlambangan, berhalus, simetri, lembut dan berguna yang terkandung dalam teknik tersebut seperti berikut:

1. Mengenal pasti rekabentuk motif batik blok yang dihasilkan daripada buluh dalam *length fabric* Hamdan Lias
2. Menganalisis motif batik blok menerusi konsep estetika Melayu



3.0 Kajian Literatur

Batik adalah kerja tangan tekstil yang menggunakan lilin sebagai bahan bertujuan menghalang dan memisahkan warna antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Kain yang telah mempunyai motif kesan daripada tindakan lilin sama ada melalui teknik cetakan blok atau dilukis dengan menggunakan canting akan diwarnakan. Menurut Che Rahim Hussin dan Harozita Ramli (2023), blok batik bermaksud kepingan kayu atau logam yang berukir digunakan untuk mencetak. Dalam penyelidikan ini, blok batik yang dihasilkan dari penggunaan buluh duri (*Bambusa Blumeana*) dan buluh madu (*Gigantocha Albociliata*) definisikan sebagai acuan atau sarang bunga yang digunakan untuk menghasilkan batik cop, batik terap atau batik blok. Fungsi blok batik adalah untuk memindahkan motif yang telah disusun melalui reka bentuk buluh (acuan) daripada permukaannya kepada permukaan kain. Pada bahagian permukaan blok buluh, terdapat kesan motif dan susunan buluh yang telah dibentuk dengan menggunakan teknik tertentu bergantung pada bahan yang digunakan.

Penghasilan kain batik blok yang unik dan istimewa ini tidak menggunakan sebarang peralatan canggih untuk menghasilkan blok batik. Kekreatifan, ketelitian dan kesabaran yang tinggi amat diperlukan semasa proses penghasilan blok batik dan semasa menerapkan blok. Hasil dari motif dan reka corak yang disusun di atas permukaan fabrik penuh dengan nilai-nilai estetika bermula dari awal pembuatan blok sehingga terhasilnya batik blok yang sempurna. Nilai estetik pada batik blok dan blok batik akan bertambah bila apresiasi seni dihurai dengan menggunakan prinsip estetik Melayu. Apresiasi seni adalah satu istilah yang membawa kepada maksud penilaian keindahan terhadap sesuatu karya seni. Tamsilan dan penghayatan oleh pemerhati disekeliling menjadikan penghasilan karya lebih bermakna dan berfungsi (Nor Idayu Ibrahim et al., 2022).

Estetika Melayu ialah apresiasi atau penghargaan terhadap sesuatu yang cantik dan indah pada seni rupa Melayu itu sendiri. Bidang falsafah ini menjelaskan tentang peraturan dan prinsip berkenaan keindahan, seterusnya menyelami dan memandu orang-orang Melayu dalam melabelkan sesuatu sebagai indah atau cantik (Maizira Abdul Majid dan Norhayati Ab. Rahman, 2022). Zakaria Ali (1989) menggariskan, sifat estetika seni rupa Melayu adalah berdasarkan enam prinsip utama iaitu halus, berguna, berlabang, bersatu, berlawan dan bermakna. Ruzaika Omar Basaree (2012) menyatakan, konsep estetik Melayu atau konsep keindahan Melayu menggariskan sifat seni rupa Melayu berdasarkan tujuh prinsip iaitu spiritualisme atau tasawuf (*spiritualism or mysticism*), kesatuan (*unity*), perlambangan (*symbolism*), berhalus (*refinement*), simetri (*symmetry*), lembut (*flexibility*) dan berguna (*functionality*). Penambahan olahan konsep keindahan Melayu yang dibuat penambahbaikan oleh Ruzaika Omar Basaree lebih kepada prinsip keindahan Melayu-Islam adalah lebih menyeluruh untuk menyatakan tentang keseluruhan apresiasi seni Melayu. Ini kerana masyarakat Melayu sendiri banyak menggunakan unsur-unsur flora dan geometri dalam setiap hasil seni mereka semenjak Islam datang ke Tanah Melayu.

Walaubagaimanapun Noor Enfendi Desa et al., (2022) menyatakan, karya seni dapat difahami hanya melalui proses penghayatan yang mendalam atau lebih dikenali sebagai apresiasi seni. Apresiasi seni merupakan prinsip asas dalam memahami bahasa tampak bagi mentafsir karya seni dengan merujuk atau tidak merujuk kepada penggunaan subjek kajian, simbol, atau latar belakang sejarah, untuk kefahaman dan penghayatan karya seni. Penghayatan keindahan pada karya seni bertujuan menilai ketinggian hasil seni



pengkarya dan pereka.

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini dilaksanakan untuk melihat dan membuat analisis melalui konsep apresiasi seni terhadap salah satu *length fabric* yang dihasilkan oleh Hamdan Lias menggunakan teori estetik Melayu. Untuk menghayati prinsip dan falsafah Melayu pada karya batik blok yang bertajuk Selendang I, apresiasi seni melalui prinsip estetik Melayu digunakan bagi menganalisis subjek kajian, motif, reka corak dan pembuatan blok batik. Bukti ketinggian serta kehalusan motif blok batik dari buluh menandakan ketinggian kekreatifan pereka dalam menterjemahkan keistimewaan batik blok dan blok batik dari penggunaan buluh.

4.0 Konsep Estetik Melayu

Pendekatan yang diperkenalkan oleh Ruzaika Omar Basaree (2012) tentang konsep estetik Melayu atau konsep keindahan Melayu menggariskan sifat seni rupa Melayu berdasarkan tujuh prinsip iaitu spiritualisme atau tasawuf (*spiritualism or mysticism*), kesatuan (*unity*), perlambangan (*symbolism*), berhalus (*refinement*), simetri (*symmetry*), lembut (*flexibility*) dan berguna (*functionality*) yang dapat dijelaskan seperti berikut. Prinsip-prinsip ini dikaitkan dengan lebih jelas melalui karya *length fabric* Hamdan Lias khususnya dari segi intipati karya seni.

4.1 Spiritualisme atau tasawuf (*spiritualism or mysticism*)

Menekankan prinsip ketuhanan atau norma etika berdasarkan pegangan agama yang mempunyai nilai kerohanian yang lebih tinggi.

4.2 Kesatuan (*unity*)

Menggambarkan keharmonian yang menyusun dan menyatukan semua elemen reka bentuk dan motif menjadi satu gubahan yang lengkap.

4.3 Perlambangan (*symbolism*)

Berdasarkan makna dan konotasi mewakili sudut pandangan yang menonjolkan maksud tersembunyi.

4.4 Berhalus (*refinement*)

Menunjukkan kehalusan kualiti estetik seperti kerumitan.

4.5 Simetri (*symmetry*)

Mengenai keteraturan atau keteraturan, yang disamakan dengan idea bingkai geometri.

4.6 Lembut (*flexibility*)

Menggambarkan keanggunan dan kecairan yang merujuk kepada kepekaan artistik yang halus dan kemahiran kerja.



4.7 Berguna (*functionality*)

Fungsi yang terputus dengan kebergunaan atau utility yang menekankan aspek fungsi dan keindahan.

5.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes analisis kandungan keatas rekaan kain selendang yang menggunakan blok batik bagi menganalisis motif batik yang wujud dalam lenght fabric Hamdan Lias. Terdapat tiga kaedah pengumpulan data yang digunakan iaitu pemerhatian, analisis dokumentasi dan temubual. Data dikumpul berasaskan kepada kerja lapangan secara empirikal data yang diperoleh dilapangan.

1. Pemerhatian secara langsung di lokasi yang terlibat iaitu Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Kelantan. Lokasi yang terlibat iaitu bengkel batik. Permerhatian juga dilakukan ke atas produk kesenian iaitu kain selendang yang menggunakan blok batik sebagai cetakan untuk menghasilkan motif batik.
2. Dokumentasi secara visual dan bertulis berkaitan motif batik blok dikumpul daripada lapangan.
3. Temubual tidak berstruktur terhadap pereka bagi mengenal pasti jenis motif, reka bentuk motif, konsep estetika melayu dalam rekaan lenght fabric Hamdan Lias.

6.0 Dapatan Kajian

Kaedah pemilihan sampel merujuk kepada ahli akademik yang konsisten menjalankan penyelidikan berkaitan batik dan dalam masa yang sama sebagai pereka yang berkaliber. Hamdan Lias masih kekal aktif dalam memperkenalkan motif batik rekaan beliau melalui pertandingan dan pameran sehingga kini. Menerusi penyelidikan ini, Selendang I dipilih untuk dianalisis melalui teori estetik Melayu bagi meneliti keindahan ciptaan *length fabric* dari penggunaan buluh duri dan buluh madu sebagai alternatif mempelbagaikan blok batik dalam industri.



6.1 Data analisis dan perbincangan



Rajah 1: Selendang I (2022) oleh Hamdan Lias (Sumber: Hamdan Lias, 2023)

Deskripsi Selendang I

Length fabric ini dihasilkan pada tahun 2022 dan merupakan koleksi peribadi pereka (Rajah 1). *Length fabric* bersegi empat sama berukuran 90 sentimeter tinggi dan 22 sentimeter lebar dengan format menegak dipamerkan secara digantungkan pada dinding (*wall hanging*). Dalam menghasilkan *length fabric* yang diberi tajuk Selendang, Hamdan Lias menggunakan kain sutera satin, pewarnaan dari remazol, lilin untuk membatik dan pemat warna. Dua jenis buluh yang digunakan untuk dijadikan blok batik adalah dari buluh duri dan buluh madu. Penggunaan buluh dari alam semula jadi sebagai alternatif dalam menghasilkan acuan blok batik bagi mengelakkan kebergantungan pada acuan blok logam yang sering diguna pakai oleh pembatik industri merupakan satu nilai kreatif yang ada pada pereka. Blok batik alternatif dari buluh mampu menghasilkan rekaan corak batik geometri yang amat baik susunan motifnya. Selendang I ini diilhamkan daripada kain batik sarong yang memaparkan kepala kain, kaki kain, badan kain dan apit kain sebagai reka bentuk utama. Hamdan Lias menggunakan sepenuhnya teknik batik blok pada keseluruhan Selendang I. Teknik ini juga dikenali sebagai teknik batik terap atau batik cop.



6.1.1 Analisis Selendang I berdasarkan rekabentuk motif batik blok

Selendang I yang diaspirasikan dari kain batik sarong ini melambangkan kebangkitan perhiasaan kepala melalui ragam hias batik pada tekstil Melayu. Selendang merupakan sehelai kain panjang yang digayakan sebagai aksesori di atas kepala ataupun bahu dan dikepalkan di tangan sebagai perhiasan oleh masyarakat Melayu di Malaysia. Selendang memainkan peranan penting dalam kebudayaan Melayu sebagai simbol tradisi dan identiti budaya masyarakat Melayu di Malaysia

Terdapat pelbagai olahan motif geometri dalam Selendang I. Motif berbentuk geometri merupakan lakaran yang menampilkan subjek dan reka bentuk corak yang diapliksi menggunakan elemen garisan, rupa dan warna. Rupa bentuk motif yang terdapat pada sampel tersebut ialah bulatan, rombus, segi tiga atau pucuk rebung dan segi empat tepat.

Selendang 1 (2022)		
	Motif Geometri	 Motif bulatan
		 Motif rombus
		 Motif pucuk rebung/segitiga
		 Motif segi empat tepat
		 Motif garisan putus-putus

Simetri juga dilihat mendasari karya catan di atas dengan menampilkan satu garisan paksi di tengah-tengah motif yang berbentuk menegak, melintang dan garisan putus.



Selendang 1 (2022)		
	Motif Geometri	 Garisan Menegak
		 Garisan Melintang
		 garisan putus-putus

Secara keseluruhannya *length fabric* selendang 1 menggunakan warna panas dan warna sejuk untuk mewujudkan kontras dan keharmonian, Keindahan *length fabric* ini terletak pada susun atur motif-motif. Kombinasi beberapa motif berunsur geometri bukan hanya membentuk identiti sesebuah kraf, tetapi ianya menunjukkan kreativiti pereka

6.1.2 Selendang I berdasarkan Konsep Estetika Melayu

1. Spiritualisme atau Tasawwuf

Spiritual dan tasawwuf yang membawa pengertian seni tidak seharusnya terpisah daripada kehidupan, kepercayaan dan agama. Batik dan kraf sebagai kesenian tradisi tidak seharusnya terpisah dari nilai estetik Melayu. Jika karya-karya Syed Ahmad Jamal, Fatimah Chik, Ruzaika Omar Basaree, Hashim Hassan, Anuar Rashid, Ariffin Ismail dan Mad Anuar Ismail menggunakan seni tradisi seperti batik, ukiran kayu, songket, hikayat, sastera dan seni bina sebagai subjek atau motif dalam karya (Mulyadi Mahamood, 2011). Hamdan Lias muncul sebagai pereka yang menggunakan bahan dari alam semula jadi (buluh) yang diolah menjadi blok batik sehingga menghasilkan satu *length fabric* batik yang tinggi nilai falsafahnya.

Spiritualisme atau tasawwuf adalah satu pendekatan dalam agama Islam yang menekankan pentingnya pengembangan spiritual dan hubungan dengan Allah SWT. Di dalam karya Selendang I ini, dapat dilihat bahawa Hamdan Lias telah memasukkan unsur kerohanian yang diinterpretasikan melalui perlambangan dan juga simbol. Prinsip pengulangan telah dilaksanakan oleh beliau yang merupakan simbolik kepada konotasi zikir dan perkataan atau frasa yang diulang dalam al-Quran untuk penekanan retorik dan didaktik dan untuk kejelasan. Oleh itu, al-Quran menunjukkan bahawa



terdapat faedah dalam pengulangan, untuk mendorong orang beriman mengambil tahu dan merenung. Penggunaan motif pucuk rebung jelas dapat dilihat pada fabrik batik blok yang mewakili manifestasi Tauhid.


2. Kesatuan

Menurut Ruzaika Omar Basaree (2012), kesatuan adalah keharmonian yang menyusun dan menyatukan semua elemen reka bentuk dan motif menjadi satu gubahan yang lengkap. Bagi menjelaskan prinsip ini, penggunaan media dan kombinasi dalam *length fabric* tersebut adalah amat baik. Pereka menyatukan pelbagai saiz buluh untuk menghasilkan blok batik dengan kesatuan yang baik. Gabungan pelbagai saiz buluh tersebut berjaya mengolah corak-corak geometri poligon seperti bulat dan segi empat. Berdasarkan Rajah 2, motif yang terhasil kesan dari blok batik yang disusun menunjukkan proses penciptaan bermula dari lakaran dan susunan sepotong buluh. Potongan buluh yang dipilih mengikut saiz dan ketebalan rentas disusun mengikut perancangan awal pengkarya yang akhirnya membentuk pelbagai blok batik yang digunakan pada bahagian badan, kepala dan kaki selendang mengikut disiplin kain batik sarung.

Hasil dari percantuman buluh yang membentuk blok tersebut diterap di atas permukaan kain. Proses memblok atau menerap batik dilakukan secara berulang-ulang sehingga membentuk rangkaian unit-unit yang sama kedudukan yang berjajaran, tetapi masih mengekalkan kesatuan di antara dan di dalam unit-unit lain. Jika diteliti, Selendang I mempunyai prinsip pengulangan dan keseimbangan yang jelas. Ini dapat dilihat pada bahagian badan, kepala dan kaki selendang. Kebijaksanaan pengkarya dalam memblok batik memberi kesan yang baik dan reka corak yang terhasil pada permukaan kain tidak kelihatan terputus malah bersambungan dengan amat baik.

Olahan penggunaan warna yang baik dalam selendang ini juga menjadikan karya ini membentuk kesatuan yang baik dan tinggi kedudukannya. Penggunaan warna jingga, merah, hijau, hitam dan putih memberikan gambaran yang segar. Dalam ungkapan Islamik, gabungan kedua-dua warna sejuk dan panas digunakan untuk menyampaikan mesej dan kandungan tertentu (Alif Haiqal Musa dan May Tasneem Nor Adzaman, 2020).





Rajah 2: Bahagian badan, kepala, kaki dan apit kain pada Selendang I mengikut disiplin kain batik sarong.
(Sumber: Hamdan Lias, 2023)

3. Perlambangan

Prinsip berlambang adalah mewakili maksud tersembunyi yang menentukan penyatuan antara isi dan bentuk. Lambang atau simbol ini menekankan kesatuan antara isi dan bentuk. Oleh itu, orang Melayu yang kaya dengan pemikiran dan falsafah melihat hal ini sebagai suatu tanggungjawab dalam terus menyumbang kepada sesuatu yang bermanfaat sekali gus saling mengingatkan antara satu sama lain tentang kehidupan ini. Selain mempunyai maksud tersembunyi dalam setiap motif, nama-nama motif yang diberikan berkait rapat dengan simbol kehidupan.

Lambang atau simbol dalam karya seni adalah merujuk kepada percubaan pelukis untuk menyatakan kebanggaan pada alam semulajadi dan kekaguman terhadap sesuatu identiti. Pereka boleh membina perlambangan dalam pelbagai cara simbol berfungsi untuk menyampaikan mesej. Walau bagaimanapun, bahasa visual adalah terhad dan tidak begitu bebas seperti bahasa lisan. Maka pereka perlu bijak dan kreatif untuk mencipta simbol baharu sehingga menghasilkan lambang yang bersifat peribadi. Lambang yang digunakan dalam karya Selendang I ini adalah mengikut estetika budaya Melayu seperti refleksi, agama, kepercayaan, etika dan sebagainya. Selain mempunyai maksud yang tersembunyi dalam setiap motif, nama motif



yang diberikan berkait rapat dengan simbol kehidupan. Karya ini menunjukkan reka corak motif geometri seperti segi empat dan sebagainya digunakan membentuk poligon-poligon seperti trapezium, heksagon, pentagon dan oktagon. Di dalam estetika Melayu, lambang yang digunakan tersebut adalah motif bunga pecah empat (bunga cengkih), motif belah ketupat dan motif bunga pecah lapan (bintang) yang diolah pada permukaan *length fabric*.

Penerapan prinsip berlambang dalam Selendang I ditunjukkan melalui penggunaan motif bintang lapan. Analisis menunjukkan terdapat pelbagai jenis olahan saiz corak bulat oleh pereka dalam *length fabric* tersebut. Corak bulat merupakan salah satu bukti kekuasaan dan kebesaran Allah yang patut diambil pelajaran oleh manusia dan merupakan saranan untuk mengenal Allah secara rasional. Salah satu keindahan yang Allah ciptakan di bumi ini ialah adanya bintang sebagai penawar kegelapan malam dan menggantinya dengan keindahan dan mempesona. Bintang dalam masyarakat Melayu-Islam, bersifat cantik, berkilau, bersinar, berada dalam kedudukan yang tinggi, galaksi ciptaan Allah SWT dalam alam cakerawala aturan semulajadi. Berdasarkan pendekatan prinsip berlambang, nilai-nilai keindahan motif yang terdapat dalam catan tersebut menekankan aspek kesatuan antara bentuk dan makna (*form and content*).

4. Berhalus

Konsep berhalus dalam seni Melayu adalah merujuk kepada kualiti estetik seperti kerumitan, kelembutan dan daya kepekaan, kemahiran serta kekreatifan seseorang. Prinsip berhalus merujuk kepada penilaian sesuatu objek, kraf dan karya seni berdasarkan cara pembuatan dan sifat kejujuran pada bahan serta medium. Cara pembuatan merujuk kehalusan kerja tangan mengendalikan bahan ataupun medium yang melibatkan pemilihan bentuk dan elemen yang diambil daripada alam sekitar. Kebijaksanaan menyelesaikan sifat bahan dan medium sehingga mencapai kesatuan yang baik, menunjukkan keberjayaan prinsip berhalus.

Selendang I menggunakan bahan alam sebagai bahan utama untuk menghasilkan blok batik dengan merancang penyusunan buluh untuk mendapatkan motif dan reka corak yang baik. Beliau menggunakan buluh duri dan buluh madu untuk membentuk acuan blok batik. Ketelitian beliau dalam memilih buluh dengan mengambil kira keupayaan membentuk buluh-buluh tersebut menghasilkan blok yang menarik, ketahanan buluh terhadap celupan lilin dan kesan yang akan terhasil apabila dicop pada permukaan *length fabric*. Struktur buluh yang melibatkan ranting dan batang buluh dipilih berdasarkan beberapa saiz bagi memperlihatkan kesan corak dan motif batik melalui kaedah capan dan lilin batik pada permukaan kain (Hamdan Lias et al., 2022).

Kekreatifan Hamdan Lias melentur, memotong, menggores dan menyusun bentuk buluh mengikut saiz dan corak yang dirancang terserlah pada karya akhir beliau. Jadual 1 menunjukkan ketelitian dan keupayaan beliau mengabungkan bahan dari alam semula jadi untuk membentuk dan



menzahirkan idea berjaya diterjemahkan menunjukkan berhalusnya proses dan tingginya kesabaran beliau menghasilkan acuan blok buluh.

Saiz buluh yang besar, sederhana dan kecil membentuk motif-motif geometri seperti poligon segi tiga, rombus, berlian, bulat, separuh bulat dan garisan putus-putus. Dalam penelitian terhadap Selendang I, penyelidik melihat pengalaman Hamdan Lias sebagai pereka dalam menyusun motif pada *length fabric* juga menunjukkan beliau amat berkemahiran memberi kualiti kehalusan pada karya yang dihasilkan. Gabungan teknik memblok dan menerapkan batik pada permukaan kain dengan gabungan warna yang menarik menyerlahkan nilai keindahan pada karya beliau. Daripada pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik melalui konsep kehalusan ini mendapati Hamdan Lias memperlihatkan kehalusan kemahiran beliau melalui teknik tindih (*layering*) iaitu iaitu proses pengulangan menerapkan batik di tempat yang sama.

5. Simetri

Prinsip ini disamakan dengan konsep simetri yang mempunyai ciri-ciri dan falsafah yang berpadanan dengan rupa dan jiwa Islam. Simetri merupakan satu elemen penting yang menjadi asas kepada seni Melayu. Simetri merupakan kesan keseimbangan atau sama ukur dalam sesuatu komposisi lukisan, catan, ukiran dan sebagainya (Wan Soliana et al., 2023). Untuk mendapatkan kesan ini, sesuatu rupa atau bentuk yang dirancang perlu digubah supaya teratur dan seimbang dalam satu paksi.

Geometri terhasil dari kaedah pengulangan bentuk asas seperti bulat, segi empat dan segi tiga yang akhirnya boleh menghasilkan corak yang sangat kompleks dan mengagumkan. Keseimbangan simetri dalam seni dan kraf Melayu dapat mencapai rasa keharmonian dan juga ketenangan yang mana kualiti ini kebanyakannya dijumpai dalam songket, tenunan dan batik (Abd. Rasid Ismail et al., 2016)

Hamdan Lias merancang pembuatan blok batik untuk menghasilkan reka corak batik yang mempunyai sifat simetri. Tidak menghairankan jika beliau terlebih dahulu perlu menciptakan blok batik menggunakan motif geometri. Jadual I menunjukkan motif geometri tersebut perlu disusun dengan prinsip simetri agar blok yang dihasilkan akan memberi kesan simetri yang baik pada rekaan. Blok batik yang dirancang oleh beliau terutamanya untuk corak sempadan tepi kain, kaki kain, dan kepala kain. Blok batik dari buluh yang beliau hasilkan adalah daripada inspirasi kain batik sarong bagi menghasilkan corak yang sesuai ke atas *length fabric*.

Apabila blok batik dari buluh berjaya dihasilkan melalui susunan rekaan corak geometri, tekapan blok batik ke atas *length fabric* juga perlu melibatkan perancangan awal untuk perletakan motif. Hamdan Lias telah menyusun perletakan motif ke atas *length fabric* mengikut susunan seperti sehelai kain batik sarong yang mempunyai kepala, badan kaki dan apit kain. Selendang I yang keseluruhannya menggunakan motif geometri bentuk bulat kerana keratan rentas batang buluh adalah bulat. Rupa bulatan yang diulang,



ditindan, diubah kedudukannya maka terhasil pelbagai motif geometri lain seperti pucuk rebung, rombus, berlian dan sebagainya. Motif-motif ini disusun secara seimbang dan tertib dari atas ke bawah dan kiri ke kanan. Perletakan motif yang dibuat secara grid pada tengah selendang menggambarkan motif seperti corak pada badan kain batik sarong. Motif utama di tengah-tengah *length fabric* menjadi titik tumpuan kerana saiz, warna dan corak dibuat sekata bagi memperlihatkan ciri-ciri simetri dengan jelas. Ini bermakna motif geometri dapat diulang dan diperluaskan ke segenap ruang. Simetri memberikan keseimbangan dan keharmonian pada Selendang I kerana setiap susun atur motif geometri menggunakan lebih daripada satu proses simetri.

6. Lembut

Kearifan dan kehalusan seni kerja tangan masyarakat Melayu, telah menghasilkan pelbagai jenis tekstil yang masih lagi utuh dan digunapakai hingga ke harini. Antara tekstil klasik masyarakat Melayu yang popular hingga ke hari ini adalah kain batik. Kain batik dianotasi sebagai melukis menggunakan titik. Menurut Hartini, Mazuki, Mazni dan Siti Fairuz (2021), batik adalah satu seni kraf yang dihasilkan dari variasi teknik mereka tekstil. Dalam prinsip ini, Hamdan Lias menjelaskan kelembutan adalah merujuk kepada proses dan pendekatan kerja menghasilkan kraf batik dan juga kepekaan artistik dan psikologi. Penghasilan Selendang I, pereka mengutamakan pengolahan blok batik dengan ketelitian penyusunan motif geometri dengan warna yang terang. Keindahan kelembutan *length fabric* ini terletak pada susunan dan penggunaan motif geometri yang dominan. Ternyata sifat-sifat matematika seperti simetri, keseimbangan, pengulangan dan infiniti. Penggunaan aneka warna yang harmoni dengan memberi titik tumpuan pada bahagian badan *length fabric* memberikan rasa yang damai pada penglihatan. Kesselesaian tumpuan mata menjadikan rasa kelembutan dan tidak kasar itu hadir dalam rasa psikologi pengamatan.

Kelembutan mencantumkan bahan-bahan semulajadi dan konvensional untuk membentuk satu kesatuan diantara blok buluh dan *length fabric* menggambarkan kesabaran yang tinggi dalam sifat pereka. Sifat kesabaran yang tinggi merupakan sifat seorang Melayu-Islam. Orang Melayu-Islam di Malaysia mentafsirkan kelembutan akan membawa kepada kasih sayang.

7. Berguna

Sesuatu kraf atau karya seni dianggap berguna apabila mampu memberikan kepuasan estetik melalui fungsi kegunaan dan keindahan (emosi). Prinsip berguna terarah kepada nilai yang memberi manfaat kegunaan atau estetik kepada kraf batik tersebut. Kraf batik akan dianggap berguna apabila mengandungi juga unsur pendidikan dan pesanan yang dapat menyampaikan pengetahuan dan nilai murni kepada masyarakat.

Hamdan Lias mengaplikasikan dan mengungkap ruang simbolik kain batik sarong melalui penyusunan motif dan reka bentuk dalam Selendang I mengingatkan kepada masyarakat tentang seni batik sarong melalui konsep



kepala kain, kaki kain, badan kain dan apit kain dalam seni selendang batik Melayu. Menurut Ellina Maruti @ Ezani (2020), selendang atau kerudung adalah salah satu budaya yang menjadi simbol kepercayaan yang tinggi dengan nilai estetik tersendiri terutamanya kepada umat Islam. Selendang merupakan kain berbentuk empat segi tepat yang dipotong panjang untuk dipakai sebagai penutup kepala serta untuk menyelubungi bahu (Kamus Dewan Edisi Empat).

Wanita Islam memakai tudung kerana kesedaran untuk taat dan mematuhi syariat Islam khasnya dalam konteks menutup aurat. Pemakaian selendang telah menjadi alternatif kepada wanita bertudung untuk meneroka gaya pemakaian baharu selendang bagi menutupi bahagian wajib yang mengikut syariat telah menjadi trend masa kini. Selendang panjang merupakan elemen tudung dari negara Arab yang dipanggil pashmina atau shawl amat diminati ramai khasnya golongan muda yang suka mencuba sesuatu yang baharu (Saniah Ahmad dan Zairul Anuar Md. Dawam, 2020).

Di dalam al-Quran telah menyebut beberapa kali perintah dan peringatan bertudung antaranya dalam surah An-Nur tentang pemakaian tudung mula diwajibkan dalam Islam dengan turunya ayat 31 dari surah An-Nur yang memerintahkan muslimah yang sudah didatangi haid agar menutup kepala dengan sempurna. Wahyu ini turut merangkumi suruhan agar wanita Islam dewasa berpakaian menutup tubuh sepenuhnya kecuali muka dan tangan dengan pakaian longgar, tidak nipis atau jarang. Berhijab merupakan kewajipan yang perlu disempurnakan setiap wanita Islam yang baligh sebagai tanda kepatuhan kepada segala arahan Allah SWT.

7.0 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan apresiasi seni terhadap batik blok Selendang I, penggunaan motif melalui penyusunan potongan buluh yang dirancang yang diblok ke atas permukaan *lenght fabric* memperlihatkan nilai keindahan dan falsafah pemikiran pereka penuh dengan nilai estetik dan falsafah Melayu-Islam. *Lenght fabric* yang keseluruhannya menggunakan motif geometri kelihatan agak pegun mampu menjadikan Selendang I tersebut seolah-olah bernafas dengan gaya yang tersendiri apabila tambah nilai estetik dan diterjemahkan melalui konsep estetik Melayu. Motif dan reka corak yang terhasil melalui blok batik dari alam (buluh) mampu membentuk bunga pecah empat, belah ketupat, bunga pecah lapan, bintang lapan dan rombus yang membawa simbol penting berkait rapat dengan alam dan juga kehidupan masyarakat Melayu. Bukan itu sahaja, nama-nama motif fauna yang digunakan seperti motif siku keluang memperlihatkan simbol keterikatan masyarakat Melayu dengan alam. Daripada analisis yang dilakukan terhadap Selendang I melalui pendekatan konsep estetika Melayu daripada Ruzaika Omar Basaree, membuktikan bahawa *lenght fabric* tersebut mempunyai nilai-nilai keindahan seperti yang digariskan dalam tujuh prinsipnya. Kesesuaian buluh sebagai bahan membuat blok corak batik berfungsi sebagai alternatif dalam industri batik. Pembaharuan, keindahan dan kehalusan motif batik blok yang menggunakan buluh menjadikan satu inovasi peralatan kegunaan berdasarkan tuntutan sosial semasa.



Rujukan

- Abd. Rasid Ismail, Ahmadrashidi Hasan dan Shahariah Mohamed Roshdi. (2016). Alam Sebagai Sumber Reka Bentuk Motif-Motif Seni Hiasan Fabrik Masyarakat Melayu. *ISME Colloquium*. Melaka: Universiti Teknologi MARA
- Aimi Atikah Roslan dan Syed Alwi Syed Abu Bakar. (2019). Warna Kontemporari Dalam Karya Seni. *Ideology Journal*. Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Vol. 4 Issue 2, 20-27. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v4i2>.
- Alif Haiqal Musa dan May Tasneem Nor Adzaman. (2020). Thematic Analysis of Self-Experience, Cultural Expression and Islamic Expression on Haron Mokhtar's Series of Paintings. *Ideology Journal*. Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Vol. 5 Issue 1, 3-7. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v5i1>.
- Basaree, R.O., Legino, R., Mohd Yusof Ahmad. (2015). The Philosophy and Geometric Patterns of Malay Woodcarving. In: Hassan, O., Abidin, S., Anwar, R., Kamaruzaman, M. (eds) *Proceedings of the International Symposium on Research of Arts, Design and Humanities (ISRADH 2014)*. Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-287-530-3_8
- Che Rahim Hussin dan Harozila Ramli. (2023). Keistimewaan Blok Batik Adiguru Mahadi Deraman di Kampung Talak, Tumpat, Kelantan. *Jurnal Peradaban Melayu*. Bil.1, Jilid 18 12-21.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). Kamus Dewan (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Diambil dari <https://prpm.dbp.gov.my/>
- Ellina Maruti @ Ezani. (2020). *Karya Siri Sejadah Fatimah Chik Mengikut Konsep Keindahan Dalam Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya.
- Hamdan Lias, Ahmad Rasdan Ismail, Haslinda Abd. Hamid and Sarah Wahidah Hasbullah. (2021). Bamboo: A Batik Block Alternative to Aesthetically Produce Batik Pattern Design. *Design-Decoded*. Kedah
- Khatijah Sanusi. (2016). *Encountering Globalization: The Work of Sulaiman Esa from the 1950s to 2011*. 1st International Conferences on Islamic Heritage Architecture and Art.
- Maizira Abdul Majid dan Norhayati Ab. Rahman. (2022). Motif Flora dan Fauna dalam Sulaman Kelingkan Berdasarkan Pendekatan Estetika Seni Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(1), 117–136. [http://doi.org.10.37052/jm.15\(1\)](http://doi.org.10.37052/jm.15(1))
- Mohamad Razif. (2020). Definisi Tasawwuf. Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diambil dari <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/4094-al-afkar-86-definisi-tasawwuf>
- Muliyadi Mahamood. (2011). Modern Malaysia Art: From the Pioneering Era to the Pluralist Era (1930s- 1990s). Kuala Lumpur: *Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.*9
- Nor Idayu Ibrahim, Nur Fatin Umar, Muhamad Rozali Othman, Nasyirah Saleh dan Zainudin Md Nor. (2022). Sarung Batik Nenek Ku – Suatu Apresiasi Seni. *Kupas Seni*,10(2), 39–46. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.2.5.2022>.



- Raja'ah. (2011). *Seni, Idea dan Kreativiti Sulaiman Esa dari 1950-an-2011*. Kuala Lumpur: Balai Seni Visual Negara.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Mohammad Anis Abdul Samad dan Siti Norbaya Mat Yacob. (2018). Analisis Simetri Rekaan Corak Kelarai Anyaman Tikar Di Alam Melayu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, Vol. 31, No. 1, hlm. 19-26 ISSN 0128-0732 e-ISSN 2590-4302 Diterbitkan oleh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Ruzaika Omar Basaree. (2016). *Simbiosis: Keharmonian Seni Tradisional Dan Seni Digital Kontemporari*. Balai Seni Visual Negara. Kuala Lumpur.
- Saniah Ahmad dan Zairul Anuar Md. Dawam. (2020). Revolusi Bentuk, Fungsi dan Trend Pemakaian Tudung Di Malaysia: Revolution Of Form, Function and Trends In The Application Of "Tudung" In Malaysia. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 10. <https://doi.org/10.51200/Ga.V10i.2521>
- Siti Humaini Bt Said Ahmad @ Syed Ahmad. (2020). Elemen Budaya Dalam Karya Seni Catan Malaysia: Satu Tinjauan. *Idealogy Journal*. Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Vol. 5 Issue 1, 157-164. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v5i1>.
- Wan Hakim Wan Mohd Nor, Nik Mohd Nabil Ibrahim @ Nik Hanafi Fatin dan Nazmin Mansor. (2019). Unsur Penyucian Jiwa Melalui Ayat-Ayat Al-Kawniyyah dalam Surah Al-Naba. 5th *International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019 || eISBN 978-967-2122-82-1)* Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studeis. International Islamic University College, Selangor, Malaysia Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Kajang, Selangor.
- Wan Soliana Wan Md Zain, Marzuki Ibrahim, Rushana Sulaiman and Nor Hafiza Ghazali. (2020). The Symmetry Analysis in Sulaiman Esa Paintings Through Islamic Art Concept. *Ist International Conference on Design Innovation, Social Scienes & Technology (ICDISSST2020)*.
- Wan Soliana Wan Md Zain, Marzuki Ibrahim, Salwa Ayob, Noor Hafiza Ghazali, Rushana Sulaiman @ Abd Rahim, Mazni Omar, Mohd Zamani Daud, Wan Salwanis Wan Md Zain. (2023). Art Appreciation in Sulaiman Esa Paintings through Malay Aesthetics Theory. *Idealogy Journal*, Vol. 8, No. 1, 2023, pp. 83-93. DOI: <https://doi.org/10.24191/idealogy.v8i1.405>

